

## ***BAB KEEMPAT***

## **BAB 4**

### **KONKLUSI**

#### **4.1 Implikasi**

Penyelidikan ini berkemungkinan sebagai perintis kepada teori Grice dalam menganalisis pertuturan bahasa Arab. Dengan lahirnya penyelidikan ini semoga sedikit sebanyak akan menjadi bahan rujukan kepada penyelidik-penyelidik seterusnya dalam bidang linguistik.

Dalam penyelidikan ini penyelidik telah membahagikan kepada tiga bahagian analisis:

- 1- kerjasama secara langsung.
- 2- kerjasama secara tidak langsung.
- 3- Tidak berkerjasama

Hasil dari penelitian penyelidik terhadap sampel-sampel mendapati bahawa terdapat kerjasama secara langsung dari penutur dan pendengar sebagaimana yang terdapat dalam contoh 1 hingga 28. Di sini penutur dan pendengar masing-masing telah mematuhi

prinsip kerjasama Grice dan juga telah mematuhi maksim-maksim perbualan iaitu percakapan yang jelas, boleh difahami, benar dan bercakap berkenaan tajuk yang berhubungan. Percakapan yang dibuat jelas dan sampai kepada maksud dan tujuan sebenarnya. Maka keadaan ini tidak perlu Implikatur perbualan lagi. Kerana percakapan yang diujarkan oleh penutur berkenaan sudah jelas, faham, benar dan pada tajuk yang berhubungan sehingga sampai kepada maksud dan tujuan sebenar.

Dari penelitian ini juga mendapati terdapat situasi di mana wujud kerjasama tidak langsung di antara penutur-penutur sesuatu perbualan. Contoh-contoh 29 hingga 46 mengetengahkan keadaan di mana penutur melanggar salah satu dari maksim-maksim perbualan sama ada maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim cara atau maksim relevan. Walau bagaimana pun maksim-maksim yang sering dilanggar dalam perbualan kebanyakannya maksim cara atau maksim relevan dan sedikit sekali dari maksim-maksim yang lain.

Di samping itu juga penyelidik mendapati ada penutur-penutur yang sengaja melakukan pelanggaran maksim untuk tujuan-tujuan tertentu seperti untuk berjenaka, menindir dan bercerita. Perbualan begini diterangkan dalam contoh-contoh 47 hingga 67. Seorang

penutur memberi jawapan yang tidak jelas, tidak mencukupi atau memberi jawapan yang tidak benar ketika penutur berkenaan cuba untuk berjenaka. Dalam hal ini penyelidik mendapati sukar bagi pendengar untuk memahami tujuan penutur jika pertuturan berkenaan tidak disertakan ciri-ciri komunikasi lain seperti senyum, mengenyit mata dan sebagainya. Terdapat juga penutur yang sengaja mengelirukan ujaran nya dengan tidak berkata yang sebenarnya. Pendengar pula memerlukan Implikatur perbualan untuk memahami ujaran tersebut.

Pelanggaran masim kualiti dan cara berlaku apabila penutur cuba berjenaka. Walau bagaimana pun pendengar dapat memahami tujuan di sebalik pengujaran yang dilakukan. Apabila seorang peenutur ingin bercerita, maka pelanggaran maksim kuantiti pula akan berlaku. penutur bercakap panjang melebihi had yang sesuai bagi sesuatu perbualan dan pendengar terus membiarkan penutur bercakap tanpa gangguan, lebih-lebih lagi apabila cerita itu menarik.

Terdapat juga penutur yang tidak berkerjasama secara langsung dimana mereka menggunakan ciri-ciri komunikasi tiada suara seperti mengangguk, menggeleng kepala, mengenyit mata

dan lain-lain. Dalam hal ini Implikatur perbualan sangat-sangat diperlukan bagi memahami ujaran yang dibuat.

Di samping itu terdapat juga keadaan di mana pendengar tidak mahu berkerjasama lantaran pendengar itu tidak mempunyai pengalaman yang sama dengan penutur disebabkan faktor-faktor seperti berlainan budaya, jurang umur, latar belakang pendidikan yang berbeza dan sebagainya.

Berdasarkan analisis dari data-data yang dipungut penyelidik merumuskan bahawa teori Grice tidak semuanya menepati situasi dalam konteks masyarakat Arab, malah terdapat kes di mana tiada kesesuaian langsung kerana kerjasama dalam pertuturan seperti yang diutarakan Grice hanya wujud bila mana penutur dan pendengar mempunyai pengalaman yang sama dan mempunyai umur yang sebaya.

## 4.2 Penerapan

Hasil dari penelitian ini, penyelidik amat berharap agar ianya menjadi satu bahan yang boleh dimanfaatkan oleh generasi yang mendatang untuk pengajaran dan pembelajaran mereka. Atau

setidak-tidaknya sumbangan dari penyelidik yang kerdil ini dapat memberi perangsang kepada seseorang untuk lebih memahami pertuturan yang sebegini.

Harapan penyelidik juga agar lahirnya naskah ini, insyā Allāh menambah satu lagi bahan rujukan penyelidikan bahasa Arab dalam bidang pragmatik.

#### 4.3 Saranan dan cadangan

Di kesempatan ini penyelidik mencadangkan bahawa penyelidikan bahasa Arab terhadap sesuatu teori yang telah dibuat oleh ahli-ahli Linguistik Barat akan diteruskan oleh penyelidik-penyelidik berikut kerana dengan adanya penyelidikan yang seperti ini dapat dinilai umum, apakah benar teori yang didakwa oleh ahli Linguistik Barat merupakan suatu teori yang universal dan menyeluruh.

Di samping itu juga, dengan lahirnya penyelidikan-penyelidikan berkaitan dapat dinilai juga bahawa teori mereka merupakan suatu teori tetap, lengkap atau sebaliknya bila

dibandingkan dengan teori yang telah dibuat oleh ahli-ahli linguistik Arab.

Contohnya seperti Implikatur perbualan ( implicatur ) yang telah dibuat oleh Grice, maka ia merupakan suatu teori yang kurang menyeluruh dalam memahami sesuatu perbualan berkenaan, maka ia terlalu bergantung kepada konteks, dan terdapat juga kekecualian dalam teori ini, seperti penggunaan bahasa figurasi : metafora, hiperbola, ironi dan sebagainya, teori yang telah dibuat oleh ahli-ahli linguistik Arab sebagai suatu teori begitu lengkap seperti : *Al-Tasybīh*, *Al-Istī'ārah*, *Al-Majāz*, *Al-Kiñayah*, dan sebagainya .

Dari faktor-faktor berkenaan penyelidik sangat-sangat mengharap agar ada penyelidik-penyelidik seterusnya membuat penyelidikan yang lebih terperinci lagi dari apa yang dibuat oleh penyelidik ini, sekurang-kurangnya membuat perbandingan di antara teori ini dengan teori yang telah dibuat oleh ahli-ahli linguistik Arab, supaya menjadi faktor pendorong kepada orang-orang berikutnya untuk membuat penyelidikan yang lebih berkualiti lagi.

Dan seterusnya penyelidik mencadangkan kepada penyelidik-penyelidik berikut supaya membuat penyelidikan terhadap sesuatu

aspek lain dalam bidang pragmatik ini, seperti dalam aspek : praandaian ( presupposition ), lakuan tuturan ( speech acts ) dan lain-lain lagi, moga-moga bahan-bahan rujukan baru bertambah dalam bidang linguistik.

Akhir sekali penyelidik mengharap kemudahan-kemudahan dari semua yang terlibat di fakulti bahasa dan linguistik agar ianya akan menjadi suatu faktor penting dalam kemajuan dan perkembangan kepada bidang linguistik ini.